

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[BATU GAJAH]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tentang inflasi yang melanda di negara kita. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengawal peningkatan kos sara hidup yang dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan **bahawa Indeks Harga Pengguna (IPH) pada Julai 2021 meningkat dengan perlahan pada kadar 2.2% kepada 122.5 berbanding 119.9 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.** Dalam hubungan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna secara khususnya telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani kos sara hidup rakyat melalui:

- (i) Penguatkuasaan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga;

- (ii) Pelaksanaan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** pada musim perayaan utama;
- (iii) **Penguatkuasaan Perintah Kawalan Harga Dan Antipencatutan** (Penandaan Harga Bagi Barangan Dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2020 bagi mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga bagi barangan dan caj bagi perkhidmatan;
- (iv) **Program Penyeragaman Harga** turut diperkenalkan bagi membolehkan rakyat di kawasan pedalaman dan terpencil menikmati harga barang keperluan asas yang sama dengan kawasan bandar;
- (v) **Pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga** oleh **Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;
- (vi) Kerjasama antara Kementerian dan pengguna sebagai ejen penyaluran dan sebaran maklumat kepenggunaan, terutama mengenai isu harga barang contohnya inisiatif **Rakan KPDNHEP**; dan
- (vii) Promosi **medium interaktif** bagi memudahkan rakyat membuat perbandingan harga melalui aplikasi pintar **PriceCatcher** dan mengemukakan aduan melalui aplikasi **Ez Adu**.
- (viii) Pelaksanaan Program **Food Bank Malaysia** yang telah memberi manfaat kepada 627,237 isi rumah dan 17,954 orang pelajar. Program ini juga telah dilaksanakan di 27 IPTA/IPTS/Politeknik.

Sekian, terima kasih.